

Jepun sokong Sekretariat ASEAN + Tiga

UM 2 2 MAY 2002

TOKYO 21 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Jepun menyokong pembukaan Sekretariat ASEAN + Tiga (Jepun, China, Korea) dan mencadangkan sekretariat itu ditubuhkan di Malaysia.

Menurutnya, sokongan ini diberikan oleh Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dalam pertemuan mereka hari ini sempena lawatan kerja tiga hari Dr. Mahathir ke Jepun.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan Sekretariat ASEAN + Tiga ini diharap akan menjadi titik permulaan kepada penubuhan secara rasmi Kawasan Pertumbuhan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia di sini malam ini, Perdana Menteri menegaskan, China dari awal menyokong penubuhan EAEG.

Katanya, cadangan supaya ASEAN + Tiga menjadi lebih formal pula disuarakan oleh Presiden Korea Selatan, Kim Dae Jung.

Perdana Menteri memberitahu, dalam pertemuannya dengan Koizumi, beliau juga membangkitkan mengenai pinjaman mudah untuk membiayai projek-projek di Malaysia.

Katanya, sehingga kini

masih ada satu permohonan belum diluluskan iaitu bagi membiayai projek bekalan air dari Pahang ke Selangor.

Menurut beliau, ini kerana projek tersebut mendapat bantahan daripada aktivis alam sekitar dan Jepun mengambil pertimbangan serius terhadap bantahan ini.

Perdana Menteri juga menyifatkan pertemuannya dengan beberapa menteri dan anggota Liga Persahabatan Parlimen Malaysia-Jepun sebagai berjaya menghasilkan satu kefahaman yang baik dan mereka menyatakan kesanggupan untuk terus bekerjasama membantu Malaysia.

Dr. Mahathir hari ini dikunjungi oleh Menteri Kewangan merangkap Pengerusi Persatuan Persahabatan Malaysia-Jepun, Masajuro Shiokawa serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Presiden Liga Parlimen Malaysia Jepun, Takeo Hiranuma.

Mengenai pelaburan, Perdana Menteri berkata, sektor swasta di Jepun tetap berminat untuk melabur di Malaysia.

Menurutnya, beliau diberitahu oleh Hiranuma bahawa negara-negara ASEAN mempunyai kelebihan dan pihaknya menasihatkan masyarakat

perniagaan di Jepun agar melabur di negara-negara ASEAN.

Mengenai projek Lembah-bio (Bio-valley) yang dicadang diwujudkan berhampiran Koridor Raya Multimedia (MSC), Perdana Menteri memberitahu, ia akan menempatkan tiga institusi yang akan terlibat dalam bidang penyelidikan geonomik, merangkumi penyelidikan berhubung tanaman dan haiwan.

Menurutnya, projek e-Village juga berkemungkinan dimasukkan dalam projek Lembah-bio itu.

Perdana Menteri bagaimanapun memberitahu, projek Lembah-bio ini akan mengambil masa yang panjang dan tidak ada tempoh masa ditetapkan bagi pelaksanaannya.

Katanya, masa diperlukan untuk mendirikan unit penyelidikan, bangunan dan kemudahan untuk membolehkan penyelidikan tempatan membuat penyelidikan bersama dengan Jepun dan negara-negara lain.

Perdana Menteri akan berlepas ke Nagasaki pagi esok untuk melancar dan menamakan Kapal Putri Intan Satu milik Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) sebelum berlepas untuk lawatan ke Korea Selatan. — *Utusan*